

SILAT

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan dan undang - undang:

1.1.1.1 Peraturan Am MASUM

1.1.1.2 PERSILAT (Persatuan Silat Antarabangsa)

1.1.1.3 PESAKA (Persatuan Silat Kebangsaan) Malaysia

1.2 KELAYAKAN

1.2.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am MASUM.

1.3 PENDAFTARAN PEMAIN

1.3.1 Pendaftaran nama – nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan boring yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain - pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk bermain.

1.3.2 Setiap pesilat hanya dibenarkan mendaftar 1 (satu) kategori dalam 1 (satu) acara sahaja.

1.3.3 Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan selewat-lewatnya sebelum undian bermula.

1.4 ACARA PERTANDINGAN

1.4.1 Acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-

Acara	Putera	Puteri
Olahraga	Kelas A (45kg– 50kg)	Kelas A (45kg– 50kg)
	Kelas B (50kg– 55kg)	Kelas B (50kg– 55kg)
	Kelas C (55kg–60kg)	Kelas C (55kg–60kg)
	Kelas D (60kg–65kg)	Kelas D (60kg–65kg)
	Kelas E (65kg–70kg)	Kelas E (65kg–70kg)

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM



Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti

	Kelas F (70kg–75kg)	Kelas F (70kg–75kg)
	Kelas G (75kg–80kg)	KelasBebas – (65kg keatas)
	Kelas H (80kg–85kg)	
	Kelas I (85kg–90kg)	
	Kelas J (90kg–95kg)	
	KelasBebas (85kg keatas)	

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 ACARA SILAT OLAHRAGA

- 2.1.1 Semasa pendaftaran, sesi timbang tidak akan dijalankan, Walaubagaimanapun, peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang 10 minit sebelum setiap perlawanan. Jika berat melebihi kategori semasa timbang ulang, maka penyertaan pesilat akan dibatalkan.
- 2.1.2 Setiap perlawanan akan dijalankan sebanyak 3 pusingan dan masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit diperuntukan. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa perlawanan.

2.2 KEPUTUSAN PERLAWANAN

- 2.2.1 Pesilat yang memperolehi **mata terbanyak** adalah dianggap sebagai Pemenang.

2.3 PENENTUAN JOHAN KESELURUHAN

- 2.3.1 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan akan ditentukan berdasarkan **jumlah kutipan pingat emas** yang terbanyak.
- 2.3.2 Jika masih seri, **kutipan tertinggi pingat perak** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 2.3.3 Jika masih seri, **kutipan pingat gangsa** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

2.4 PEMATUHAN PAKAIAN

2.4.1 Sila rujuk Peraturan Am (7.0) MASUM.

2.5 KELEWATAN

2.5.1 Hanya 30 saat sahaja akan diberikan kepada peserta yang lewat ke arena dengan panggilan sebanyak 3 kali dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan undur diri.

2.6 BANTAHAN

2.6.1 Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM.

2.7 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

2.7.1 Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

3.1 RINGKASAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu	11	7	3	21

3.2 HADIAH-HADIAH

3.2.1 Hadiah akan disediakan oleh penganjur untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga Bersama sahaja.